

10 Nov 2011 11:53am



Order now at - www.ispec2u.com

UTAMA ANALISA KOLUMN KALEIDOSKOP PANDANGAN EKSKLUSIF KHAS GALERI GAMBAR CARI 中文版 RSS

Utama &gt; News &gt; Pandangan

[Share |](#)[Program Langganan Sukarela](#) [Cetak](#)  [Kongsi](#) Saiz Teks:  [k](#)  [s](#)  [b](#)

## AWER: 30 hari lagi untuk muktamadkan rundingan semula PPA

AWER | Oct 31, 2011 10:54:39 am

[Pandangan](#)

Rundingan semula PPA masih berlarutan tanpa kesudahan disebabkan jalan buntu di antara permintaan kerajaan, Penjana Bebas (IPP) dan Tenaga Nasional Berhad. Adakah penyelesaian berpaksikan rakyat (people centric) dapat dimeterai seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri? Adakah IPP akan terus mencabar janji Perdana Menteri?



Dalam sektor tenaga elektrik, kerajaan dan perunding yang dilantik terlalu risau bagaimana peniaga (IPP) akan terjejas disebabkan rundingan semula. Sebenarnya, IPP generasi pertama telahpun mendapat balik pulangan pelaburan mereka pada kadar kurang daripada 10 tahun. Sekarang, kerajaan dan perunding yang dilantik sepatutnya lebih risau tentang jumlah pelaburan lain yang

kita akan hilang jika IPP masih dilindungi dan kadar tarif masa depan kekal tidak kompetitif. Seorang peniaga tahu bagaimana untuk berniaga; rundingan semula adalah sebahagian daripada perniagaan. Ia menjadikan peniaga kompeten dan beretika.

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) juga telah mencadangkan model rundingan semula yang lebih munasabah di laporan kami yang bertajuk "Perjuangan- Masa Depan Industri Elektrik Negara" yang telah dilanjutkan kepada agensi-agensi berkaitan untuk tindakan mereka pada bulan Jun tahun ini.

AWER juga ingin memberikan contoh rundingan semula untuk industri perkhidmatan air di Johor. Dengan pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006, rundingan semula dilaksanakan dengan cepat dan mengelakkan kenaikan tarif yang tinggi. Ini telah dicapai pada tahun 2009. Ini adalah rundingan semula yang dilaksanakan dalam masa satu tahun dan tiada apa-apa rungutan mengenainya!

AWER berdiri teguh dengan tarikh luput yang telah kami cadangkan kepada perunding PPA bagi proses rundingan semula PPA. 30 November 2011 sepatutnya adalah tarikh terakhir proses rundingan semula. Jika tiada keputusan yang konkret dan berpaksikan kepada rakyat dicapai melalui rundingan semula PPA, kami menyeru Suruhanjaya Tenaga untuk memulakan bidaan terbuka bagi loji janakuasa yang baru mulai 1 Disember 2011. Rakyat tentu tidak mahu mendengar alasan-alasan seperti tidak cukup masa pembinaan atau proses bidaan yang dikompromi atau keputusan-keputusan yang tidak berpaksikan Rakyat selepas ini.

Ketelusan dalam penetapan tarif dan memecahkan struktur pengebilan adalah penting. Ini adalah proses yang mudah untuk dilaksanakan kerana ia hanya melibatkan pengurusan pangkalan data (database management). Pemecahan kos elektrik telahpun dilaksanakan oleh negara jiran kita seperti Filipina dan Thailand. Kami tidak faham mengapa terdapat keengganinan yang tinggi oleh sesetengah pihak untuk melaksanakan perkara ini. Kami menyeru Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) untuk melaksanakan Incentive Based Regulation (IBR) dengan pindaan yang kami cadangkan (untuk mengawalselia sektor penjanaan) dengan kadar segera. IBR dirangka untuk memastikan kecekapan dalam perkhidmatan dan penetapan tarif yang saksama, sama seperti penstrukturkan semula industri

### Terkini

- [Apa agenda Utusan?](#)
- [KeTTHA terima secara positif segala teguran Laporan Ketua Audit Negara 2010](#)
- [Seksualiti Merdeka: Nasrudin persoal mengapa tidak diperjuangkan hak penagih dadah?](#)
- [Rumah mampu milik: Kerajaan Selangor tawarkan harga lebih rendah](#)
- [PPSMI: Pendekatan fleksibel diperlukan Seksualiti Merdeka dan pengaruh homofobia Melayu](#)
- [Nasrudin Hassan: Negara perlukan pemimpin berakhlik](#)
- [Projek Fidolt Kebangsaan: Kepincangan kewangan dan "Conflict of Interest"](#)
- [Hak mahasiswa ditindas](#)
- [PPSMI: MIPAS anggap kerajaan tidak ikhlas](#)

### Antara yang terhangat

- [Penerbit letak jawatan, dedah ntv7 menerima aduan Rosmah](#)
- [Wanita ditembak polis tanpa sebab...](#)
- [Kuil Hindu di Kelantan](#)
- [Air mata berlinangan mendengar ceramah Mat Sabu](#)
- [Skandal PKFZ: Orang terlibat masih bebas, dedah Ong Tee Keat](#)
- [Keunculan KDSB dan kebangkitan Tiong...](#)
- [Belanjawan 2011 tanpa istilah "Rasuh"](#)
- [Permatang Pasir: PR menang di semua saluran](#)
- [Konsep 1Malaysia juga diciplik dari Indonesia](#)
- [Anwar kehilangan detik saat terbaik selepas kegagalan rancangan 16 September?](#)

### Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)[709 Bersih 2](#)

Merdeka Review BM Fans Club on Facebook

You like  
Page · Ir  
Confirm  
Page · Ir

6,439 people like Merdeka Review BM Fans Club. 6,438 people like Merdeka

perkhidmatan air.

Di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), Suruhanjaya Tenaga telah diberikan kuasa luas untuk mengawal selia industri tenaga elektrik. Seksyen 4 akta ini yang mentakrifkan fungsi-fungsi Suruhanjaya Tenaga telah memberikan penerangan jelas mengenai mandat ini melalui subseksyen (b), (c), (d),(l), (la) and (m). Maka, kami menyeru Menteri KeTTHA untuk memastikan Suruhanjaya Tenaga melaksanakan fungsi-fungsi yang sepatutnya supaya dapat melindungi kepentingan setiap lapisan pengguna.

\*Kenyataan media oleh Piarapakaran S. (gambar kanan) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).



JOIN US AT:



Merdeka Review BM Fans Club

on Facebook



You like this. · Admin

Review BM Fans Club.



Facebook social plugin

sebelumnya:

[KeTTHA terima secara positif segala teguran Laporan Ketua Audit Negara 2010](#)

seterusnya:

[Apa agenda Utusan?](#)

CARI Diy Day Banner

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

CARI Diy Day Banner



Admax supports Eco-Living

[Click here for 10 easy things you can do today to go green!](#)



Order now at - [www.ispec2u.com](http://www.ispec2u.com)



[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd -

[Designed by I-Tea Technology](#)

Hosted by [Ipserverone.com](#)